

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

AFP462 - ANALISIS PENYATA KEWANGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB** dan jawab **DUA (2)** soalan lain.

Soalan 1 -WAJIB

Penyata kewangan seragam bagi sembilan buah syarikat diberi di Lampiran I. Syarikat-syarikat tersebut adalah daripada sembilan jenis industri berikut:

- (i) industri aerospace
- (ii) penerbangan
- (iii) kimia dan farmasi
- (iv) perisian komputer
- (v) industri makanan (consumer foods)
- (vi) pasaraya (department stores)
- (vii) kewangan
- (viii) penerbitan suratkhbar
- (ix) utiliti elektrik

Dikehendaki:

- (a) Berasas pada penyata kewangan, padankan setiap syarikat kepada industrinya.
- (b) Bincangkan secara ringkas, sifat-sifat penyata pendapatan dan kunci kira-kira yang menolong anda mengenalpasti industrinya bagi setiap syarikat.

[25 markah]

...2/-

Soalan 2 - WAJIB

Andaikan bahawa anda telah dilantik sebagai pengurus penyelidikan sebuah syarikat sekuriti terkemuka di rantau ini. Anda diminta menganalisis kewangan Syarikat C dan Syarikat L yang beroperasi di Singapura.

Syarikat C dan Syarikat L beroperasi di dalam industri yang sama. Sifat operasi dan kewangan kedua-dua syarikat berbeza. Syarikat C sedang mengamalkan kaedah pembuatan moden dengan penggunaan loji yang berotomatik. Bagi kawalan inventori kaedah JIT (Just-In-Time) digunakan dan untuk tujuan ini, penyelerasan rapat dengan pembekal dan pelanggan diperlu. Lagipun pembayaran dan pungutan dibuat dengan cepat.

Data kewangan bagi tahun 2002 bagi Syarikat C dan Syarikat L adalah seperti berikut:

	<u>Syarikat C</u>	<u>Syarikat L</u>
Aset tetap kasar	\$175,000	\$65,000
Nisbah semasa	9.475	3.592
Nisbah cepat	8.875	3.192
Pulangan atas ekuiti	0.130	0.167
Tunai dari operasi/liabiliti semasa	5.275	0.942
Pengurangan dalam akaun belum terima	(\$3,000)	(\$4,500)
Pengurangan inventori	0	(\$6,000)
Pengurangan akaun belum bayar	0	(\$5,000)
Tunai dari operasi	\$52,750	\$28,250
Tunai dari pembiayaan: pengurangan dalam pinjaman jangka pendek	(\$1,000)	(\$5,000)
Tunai bagi pelaburan	0	0

Penyata pendapatan seragam bagi kedua-dua syarikat yang diberi di bawah telah disediakan oleh pembantu anda yang telah meletak jawatannya secara tiba-tiba. Tetapi malangnya dia tidak mengenalpasti syarikat-syarikat dalam penyata tersebut.

Jualan pada 2002 bagi kedua-dua syarikat adalah satu perenam kurang daripada jualan pada tahun 2001, oleh sebab kemelesetan ekonomi.

Penyata pendapatan seragam

	Syarikat ?		Syarikat ?	
	2001	2002	2001	2002
Jualan	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
KBDJ	63.89	66.67	58.33	66.67
Belanja jualan dan pentadbiran	19.44	20.00	17.78	20.00
Faedah	1.67	2.00	3.89	4.67
Cukai	3.75	2.83	5.00	2.17
Jumlah kecil	<u>88.75%</u>	<u>91.50%</u>	<u>85.00%</u>	<u>93.50%</u>
Pendapatan bersih	11.25%	8.50%	15.00%	6.50%

Akhirnya, pembantu anda telah menghitung nisbah-nisbah bagi 2002. Tetapi angka-angka dalam kedua-dua ruang di bawah telah disalah-letakkan. Sesetengah nisbah dalam ruang 1 adalah bagi Syarikat C dan yang lain adalah bagi Syarikat L; begitu juga bagi nisbah-nisbah dalam ruang 2.

	Ruang 1	Ruang 2
Pusingan inventori	6.667	16.667
Pusingan akaun belum terima	11.111	7.409
Pusingan akaun belum bayar	25.000	4.444
Pinjaman jangka panjang/modal	0.195	0.429

Bagi soalan-soalan berikut, bulatkan semua amaun kepada \$10 yang terhampir.

- (a) Bagi penyata pendapatan seragam dan bagi setiap nisbah di atas, nyatakan sama ada ianya bagi syarikat C atau syarikat L. Beri sebab bagi pilihan anda.
- (b) Hitungkan jualan sebenarnya bagi Syarikat C dalam tahun 2002. Anda perlu menggunakan nisbah-nisbah pusingan dan angka-angka lain yang diberi dalam soalan ini.
- (c) Sediakan penyata pendapatan bagi tahun 2001 dan 2002 bagi Syarikat C dan Syarikat L.
- (d) Gunakan maklumat bagi kedua-dua tahun dan anggarkan bagi setiap syarikat:
 - (i) tahap kos tetap dan
 - (ii) kos berubah (dalam peratus jualan).
- (e) Singapura dijangka mengalami kemelesetan ekonomi dalam tahun 2003 dan jualan akan merosot sebanyak 20%. Sediakan penyata pendapatan pro-forma tahun 2003 bagi kedua-dua syarikat.
- (f) Bincangkan secara ringkas, kesan leverage operasi dan kewangan di atas prestasi kedua-dua syarikat bagi tempoh tiga tahun tersebut.

[35 markah]

Soalan 3

Dalam bulan Julai dan Ogos 1997, nilai ringgit Malaysia (RM) terhadap dolar Amerika Syarikat (US\$) telah menurun.

- (a) Jika RM menurun sebanyak 5% terhadap US\$, bincangkan kesannya ke atas angka-angka yang terdapat dalam penyata kewangan pro-forma bagi sesuatu syarikat Malaysia yang anda telah kaji di dalam kursus ini.
- (b) Bagimanakah jawapan anda akan berbeza jika nilai RM menurun sebanyak 25% terhadap US\$?

[20 markah]

...5/-

Soalan 4

M. Fridson dalam bukunya bertajuk "Financial Statement Analysis: A Practitioner's Guide" berpendapat bahawa seseorang penganalisis kewangan mesti bersikap ragu-ragu terhadap maklumat kewangan yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam bursa saham. Tambahan pula beliau mendakwa bahawa apa yang disembunyikan dalam penyata kewangan jauh lebih penting daripada apa yang didedahkan. Adakah anda setuju dengan pernyataan ini? Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh sesuai terutamanya dari Malaysia.

[20 markah]

Soalan 5

Bandingkan pendekatan berasas aliran tunai dan pendekatan berasas pendapatan dalam penilaian saham sesuatu syarikat. Kaedah manakah yang lebih sesuai bagi syarikat-syarikat di Malaysia? Mengapa?

[20 markah]

Soalan 6

Andaikan bahawa anda dilantik sebagai pengurus kredit di sebuah bank tempatan. Bincangkan faktor-faktor yang harus diambil kira apabila sesuatu permohonan pinjaman ditimbang. Bagaimana faktor-faktor ini boleh dinilai?

[20 markah]

LAMPIRAN I

Kunci kira-kira seragam

Syarikat	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Tunai dan pelaburan jangka pendek	2%	13%	37%	1%	3%	1%	22%	6%	
Akaun belum terima	17	8	22	28	23	11	16	8	
Inventori	15	52	15	23	14	2	0	5	
Aset semasa lain	6	0	5	1	4	2	1	0	
	<u>40%</u>	<u>73%</u>	<u>79%</u>	<u>53%</u>	<u>42%</u>	<u>12%</u>	<u>16%</u>	<u>39%</u>	<u>19%</u>
Aset tetap pada kos	86	40	26	44	63	112	65	1	106
Tolak: susutnilai terkumpul	(50)	(19)	(8)	(15)	(23)	(45)	(28)	0	(34)
	<u>36%</u>	<u>21%</u>	<u>18%</u>	<u>29%</u>	<u>40%</u>	<u>67%</u>	<u>37%</u>	<u>1%</u>	<u>72%</u>
Aset tetap bersih									
Pelaburan	3	1	0	0	3	14	16	55	0
Aset tak ketara dan lain-lain	21	5	3	18	15	7	31	5	9
	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>
Jumlah aset	===	===	===	===	===	===	===	===	===
Akaun belum terima	11	21	22	13	26	7	11	NA	20
Hutang jangka pendek	4	0	3	6	4	6	2	46	4
Liabiliti semasa lain	9	43	0	0	1	4	1	16	8
	<u>24%</u>	<u>64%</u>	<u>25%</u>	<u>19%</u>	<u>31%</u>	<u>17%</u>	<u>14%</u>	<u>62%</u>	<u>32%</u>
Liabiliti semasa									
Pinjaman jangka panjang	20	5	12	27	23	34	24	27	21
Liabiliti lain	16	0	1	21	16	12	13	5	12
	<u>60%</u>	<u>69%</u>	<u>38%</u>	<u>67%</u>	<u>70%</u>	<u>63%</u>	<u>51%</u>	<u>94%</u>	<u>65%</u>
Jumlah liabiliti									
Ekuiti	40	31	62	33	30	37	49	6	35
	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>	<u>100%</u>
Jumlah liabiliti dan ekuiti	===	===	===	===	===	===	===	===	===

Penyata pendapatan seragam

Syarikat	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Hasil	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Kos barang dijual	58	81	58	63	52	0	59	0	0
Belanja operasi	21	7	24	28	33	84	29	55	91
Belanja penyelidikan	7	5	9	0	1	NA	0	0	0
Belanja iklan	3	0	3	2	5	NA	NA	0	2
Pendapatan operasi	11%	7%	6%	7%	9%	16%	12%	45%	7%
Belanja faedah bersih	1	(1)	0	2	2	6	3	41	1
Pendapatan sebelum daripada operasi berterusan	10%	8%	6%	5%	7%	10%	9%	4%	6%
Nisbah pusingan aset	0.96	1.12	0.94	1.38	1.82	0.45	0.96	0.15	0.92

NA - Not available

---0000000000---